



**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Jalan Persiaran S2 B2, Seremban 2
70300 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus



Telefon
Faks
Portal Rasmi
E-mel

: 06-763 5989 / 06-762 1308
: 06-763 5944
: www.nslibrary.gov.my
: ppans@ns.gov.my

Ruj Kami : PPANS / 608/2.4 (S)/bd.(^{ns})
Tarikh : 12 Jun 2022

**SEMUA KETUA JABATAN NEGERI / PERSEKUTUAN
BADAN BERKANUN NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Tuan / Puan,

**IKLAN JAWATAN KOSONG BERTARAF TETAP DI PERBADANAN
PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Dengan segala hormat dan takzimnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa terdapat 1 jawatan kosong tetap di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS). Bersama-sama ini dilampirkan Skim Perkhidmatan jawatan seperti berikut :-

i. Penolong Pustakawan (S29) : 1 Jawatan

3. Sehungan dengan itu, kakitangan PPANS yang berkelayakan boleh memohon jawatan tersebut dan permohonan yang lengkap diisi hendaklah dialamatkan kepada :-

*Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus
Jalan Persiaran S2, B2, Seremban 2
70300 Seremban
(u.p : Unit Khidmat Pengurusan)*

4. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

5. **Tarikh tutup permohonan ialah pada 30 Jun 2022.** Permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJAH JAMILAH @ CHUMILA BT. HJ. KATIS)

Pengarah

Perbadanan Perpustakaan Awam

Negeri Sembilan Darul Khusus

LAMPIRAN A

- Klasifikasi : Perkhidmatan Sosial
- Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- Gred Jawatan / Gaji : S29
RM1493.00 – RM5672.00
- Taraf : Tetap
- Syarat-syarat Lantikan : Calon-calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- i. Warganegara Malaysia
 - ii. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
 - iii. Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji permulaan pada Gred S29 : RM1493.00) ; atau
 - iv. Sijil Tinggi Agama Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred S29 : RM1493.00) ; atau
 - v. Diploma Pengurusan Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred S29 : RM1770.95) ; atau
- Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- Penetapan Gaji Permulaan : Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred S29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

- Latihan : Pegawai dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan
- Program Transformasi : Pegawai dalam tempoh percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan Minda/Peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan yang berkenaan.
- Pergerakan Gaji Tahunan : Pergerakan gaji tahunan adalah tidak secara automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- Keperluan Kompetensi dan Potensi : Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat
- Cara Memohon : i. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang SPA.1 Pind. 7/91 yang boleh didapati di Unit Khidmat Pengurusan, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.
- ii. Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan yang diakui sah : Kad Pengenalan, Sijil Beranak dan lain-lain dokumen yang berkaitan beserta gambar berukuran passport.
- iii. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- iv. Permohonan yang lengkap diisi hendaklah dialamatkan kepada :-

Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus
Jalan Persiaran S2 B2, Seremban2
70300 Seremban

(u.p : Unit Khidmat Pengurusan)

- v. Tarikh tutup permohonan ialah pada **30 Jun 2022**. Permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.